

20/03/2001

Kerajaan belum cadang badan khas atasi kemiskinan

KUALA LUMPUR, Isnin - Kerajaan sedang menangani masalah kemiskinan di bandar dan luar bandar melalui pendekatan berbeza, tetapi belum bercadang untuk mewujudkan badan khas untuk menanganinya, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Sehubungan itu, Perdana Menteri mahu pihak tertentu supaya jangan mengeksploitasikan kes pergaduhan di Jalan Klang Lama untuk mencari populariti, terutama di kalangan golongan miskin.

"Sebenarnya di Malaysia ini, kita memberi tumpuan kepada golongan miskin. Tetapi setingan bandar ini, biasanya pecah (melanggar) undang-undang dengan menduduki tanah bukan milik dia.

"Dengan itu, kalau kita bekalkan kepada mereka api, air, bermakna kita halalkan perbuatan mereka menduduki tanah yang mereka tidak mempunyai hak sedangkan kemiskinan luar bandar berbeza ... mereka bukan setingan atas tanah orang, jadi mudah bagi kita untuk membuat rumah bagi mereka.

"Dalam kemiskinan bandar pula, kita dapati kadang-kadang walaupun miskin, pendapatan mereka agak tinggi kalau diambil kira daripada pemilikan kereta, peti sejuk dan sebagainya," katanya selepas mesyuarat pra-persidangan bagi ahli Parlimen Barisan Nasional (BN) di bangunan Parlimen di sini, petang ini.

Dr Mahathir ditanya sama ada kerajaan bercadang untuk mewujudkan sebuah agensi atau badan khas bagi menangani masalah kemiskinan dalam bandar berikutan kes pergaduhan membabitkan dua kumpulan di Kampung Medan serta sekitarnya di Jalan Klang Lama, yang dikaitkan dengan masalah sosial dan kemiskinan.

Beliau berkata, usaha menangani masalah kemiskinan di bandar dan luar bandar tidak boleh dilakukan dengan pendekatan yang sama kerana bentuknya agak berlainan.

Kerajaan, katanya, sedang melihat masalah kemiskinan di bandar dan luar bandar untuk mencari jalan terbaik bagi mengatasinya.

"Jadi, kita tak boleh pukul borong, ada yang betul-betul miskin, yang tak ada kerja, tak ada rumah, tak ada tempat. Tapi bagi yang lain (setingan), walaupun kita beri rumah kepada dia, dia tak begitu berminat untuk berpindah ke rumah yang dibina oleh kerajaan kerana sudah tentu mereka terpaksa bayar sewa.

"Sedangkan kalau mereka berada di kawasan setingan, mereka tak bayar sewa. Ada juga kes-kes yang mana mereka memiliki rumah di tempat lain, mereka bagi sewa rumah itu dan mereka tinggal di kawasan setingan," katanya.

Oleh itu, katanya, kerajaan perlu menggunakan pendekatan berbeza bagi membantu golongan miskin melalui agensi yang berkaitan tanpa perlu menubuhkan badan baru.

Dr Mahathir kesal kerana ada pihak cuba mencari populariti berikutan kejadian pergaduhan di Jalan Klang Lama dengan terus memainkan isu kemiskinan untuk membakar perasaan penduduk di situ.

Katanya, golongan terbabit mendakwa kerajaan membina bangunan menara berkembar Petronas dan pelbagai lagi sedangkan penduduk di situ dibiarkan dalam kemiskinan.

"Bila main isu macam itu, mudah sangat membakarkan hati orang. Bila kita bakar hati orang dan mereka bertindak ganas tanpa rasa bertanggungjawab, maka orang miskin itu akan jadi mangsa.

"Kita dah lihat enam orang terbunuh (dalam pergaduhan di situ) dan ramai

lagi yang cedera. Tetapi orang yang menghasut mereka tiada apa-apa. Mereka menunggu saja kalau berlaku rusuhan di jalan-jalan ini, seperti yang dirancang oleh mereka, iaitu apabila kerajaan jatuh, mereka harap merekalah dapat nikmat. Inilah yang kita lihat sekarang ini," katanya.

Bagaimanapun, katanya, asas keharmonian di antara kaum di Jalan Klang Lama masih kekal di kalangan kebanyakan penduduknya meskipun cuba dihasut oleh parti pembangkang.

(END)